

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.ILBTM.510-8/14/1 JLD.4 (65)
Tarikh : 31 Julai 2024



En. Mohamad Azrol bin Mohamad Dali
Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia - Malaysia Productivity Corporation (MPC)
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang



Tuan,

**PERMOHONAN PENYEWAAN DEWAN PRODUKTIVITI MPC KEPALA BATAS
BAGI AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) JURURAWAT
PELATIH DIPLOMA KEJURURAWATAN INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA (KEJURURAWATAN) BERTAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa ILKMM Bertam (Kejururawatan) akan menerima pertambahan jumlah pengambilan Jururawat Pelatih bagi Program Diploma Kejururawatan pada tahun 2025. Pertambahan jumlah pelatih ini akan memberi kesan kepada kelancaran aktiviti PdP memandangkan ILKMM Bertam tidak mempunyai fasiliti bilik kuliah yang mencukupi untuk menampung jumlah pelatih yang ramai.

3. Melalui sesi lawatan ke MPC pada 29 Julai 2024 yang lalu, Pihak Pengurusan ILKMM Bertam telah bersetuju untuk mengemukakan permohonan penyewaan Dewan Produktiviti MPC memandangkan kemudahan yang disediakan di dalam Dewan Produktiviti adalah lengkap dan sesuai untuk aktiviti PdP. Oleh yang demikian, jabatan ini memohon jasa baik pihak Pengurusan MPC agar dapat memberikan sebut harga kadar sewaan yang ditawarkan kepada kami. Berikut merupakan tempoh waktu penyewaan yang diperlukan bagi tahun 2025 :

3.1 sesi : 01 Julai 2025 – 10 Oktober 2025 (3 bulan 2 minggu)

4. Besarlah harapan ILLKM Bertam agar perkara ini mendapat perhatian utama dari pihak MPC. Kerjasama dan pertimbangan dari pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZMAH BINTI HAMZAH)
Pengarah

Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia
(Kejururawatan) Bertam,
Pulau Pinang

s.k

Puan Emillia Rosnizar binti Ahmad Hanipiah
Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia

En. Azlan bin Ahmad
Timbalan Setiausaha Bahagian (Operasi Latihan)
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian kesihatan Malaysia

Puan Nadiyah binti Ismail
Timbalan Setiausaha Bahagian (Institusi Latihan)
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian kesihatan Malaysia